# KENYATAAN MEDIA

**Untuk siaran segera**

## SEMINAR PERCUKAIAN
## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA – PERSEKUTUAN MAJIKAN-MAJIKAN MALAYSIA 2018

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dengan kerjasama Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) akan menganjurkan Seminar Percukaian yang akan bermula pada 6 Februari 2018 dan dijangka berakhir pada 28 Mac 2018 di 12 lokasi di seluruh negara.

Tujuan dan objektif seminar ini dianjurkan adalah untuk:

1. Meningkatkan kesedaran majikan mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam hal ehwal percukaian.

2. Mendidik majikan mengenai liabiliti cukai dan hutang di bawah Akta-Akta yang berkaitan.

3. Membimbing dan membincangkan berkenaan audit gaji.

4. Membina jaringan hubungan dalam kalangan peserta-peserta dengan pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Antara topik-topik yang akan dibincangkan adalah seperti yang berikut:

1. Pengemukaan Penyata Majikan (Borang E)

2. Tanggungjawab Majikan Terhadap Percukaian Pekerja (Individu Pemastautin dan Bukan Pemastautin)

3. Audit Cukai: Peranan dan Tanggungjawab Majikan

Sehubungan dengan itu, adalah disarankan agar para majikan, pembayar cukai, pengamal percukaian, akauntan, perancang kewangan, setiausaha dan pengarah syarikat serta orang ramai yang berminat untuk menghadiri seminar ini bagi mengemaskini pengetahuan percukaian mereka. Tarikh dan lokasi seminar adalah seperti yang berikut: :

| Tarikh | Hari | Lokasi Seminar |
|---|---|---|
| 6 Februari 2018 | Selasa | Kuala Lumpur |
| 12 Mac 2018 | Isnin | Kota Kinabalu |
| | | Kuala Terengganu |
| 14 Mac 2018 | Rabu | Miri |
| | | Pulau Pinang |
| 15 Mac 2018 | Khamis | Kuching |
| 20 Mac 2018 | Selasa | Seremban |
| | | Alor Setar |
| 21 Mac 2018 | Rabu | Johor Bahru |
| | | Ipoh |
| 28 Mac 2018 | Rabu | Shah Alam |
| | | Kuantan |

Sila layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau klik pautan di bawah untuk keterangan lanjut dan mendaftar sebagai peserta.

http://lampiran2.hasil.gov.my/pdf/pdfam/MEF_1_2018.pdf

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 **|** 🖷 : 03-8313 7801
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

**Tarikh: 26 Januari 2018**